

Insaniah Warriors pertahanan kejuaraan

KUALA KETIL - Insaniah Warriors mempertahankan kejuaraan Kejohanan Bola Sepak Pusingan Kelayakan Masiswa Zon Utara selepas menewaskan Universiti Teknologi Petronas dengan jaringan 1-0 dalam perlawanan akhir yang berlangsung baru-baru ini di Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak.

Kejohanan anjuran Majlis Sukan IPTS Malaysia (Masiswa) di bawah Sektor Pengajian Tinggi KPM itu disertai oleh sembilan IPTS dalam zon utara.

Pengurus pasukan,

Marwan Salleh berkata, beliau berpuas hati dengan pencapaian pasukannya, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) atau jolokannya Insaniah Warriors apabila terus mempamerkan semangat juang dan kerjasama berpasukan sehingga berjaya mengekalkan misi mempertahankan kejuaraan peringkat zon utara selama 5 tahun berturut-turut.

Menurutnya, sebaik menjuarai kumpulan A, mereka melangkah ke peringkat separuh akhir tanpa perlu bertanding di peringkat suku akhir.

"Kemenangan besar ke atas

Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dengan jaringan 5 gol tanpa balas membuktikan mereka sememangnya layak beraksi dalam perlawanan akhir.

"Kami juga berbangga apabila barisan pertahanan yang diketuai oleh penjaga gol, Moin Mat Isa cemerlang mengawal kubu dari dibolosi oleh sebarang gol pihak lawan sepanjang kejohanan berlangsung," katanya kepada Sinar Harian.

Insaniah Warriors akan mewakili zon utara ke pertandingan di peringkat Masiswa kebangsaan.



Barisan Insaniah Warriors akan mewakili zon utara ke kejohanan Masiswa peringkat kebangsaan selepas ini.